

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 23 DISEMBER 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 30

### Iklan jawatan kosong dalam talian merosot



Majoriti jawatan kosong yang diiklankan secara dalam talian tertumpu kepada sektor perkhidmatan iaitu 67.6 peratus atau 128,575 kekosongan.-DOSM

### Iklan jawatan kosong dalam talian merosot

**PUTRAJAYA** - Jumlah jawatan kosong yang diiklankan dalam talian mencatatkan sedikit penurunan iaitu 5.9 peratus pada suku ketiga tahun ini kepada 190,170 berbanding 202,102 kekosongan pada suku sebelumnya.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, penawaran pekerjaan juga mencatatkan penurunan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 1.2 peratus berbanding 158.2 peratus yang direkodkan pada suku ketiga tahun lepas.

Dalam satu kenyataan sempena laporan Analisis *Data Raya Job Market Insights: Jawatan Kosong Diiklankan Dalam Talian di Malaysia* bagi suku ketiga 2022 yang dikeluarkan pada Khamis, beliau berkata, dari segi kategori pekerjaan yang diiklankan dalam

talian, golongan profesional meliputi jumlah terbesar iaitu 46.1 peratus atau 87,587 kekosongan pada suku tersebut.

“Ini diikuti 18.1 peratus (34,434) dalam kategori juruteknik dan profesional bersekutu, manakala pengurus menyumbang 12.8 peratus (24,417),” katanya.

Analisis menunjukkan, aktiviti pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal membentuk komposisi terbesar jawatan kosong yang diiklankan dalam talian, diikuti aktiviti pembuatan, profesional, saintifik dan aktiviti penginapan dan perkhidmatan makanan.

Kuala Lumpur mencatatkan jumlah kekosongan jawatan paling tinggi diikuti Selangor, Johor dan Pulau Pinang. -Bernama